

10 MAR 2001

Nik Aziz-Perpaduan

NIK AZIZ CADANGKAN HANYA SEBUAH PARTI UNTUK ORANG MELAYU

KOTA BAHARU, 10 Mac (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan satu lagi perkara dimasukkan dalam perbincangan perpaduan Melayu antara Umno dan PAS iaitu mengekalkan hanya sebuah parti bagi orang Melayu di negara ini.

Beliau berkata selagi terdapat dua parti yang mewakili orang Melayu seperti PAS dan Umno sekarang, adalah sukar bagi menyatukan orang Melayu.

"Kalau Umno hendak sangat kepada perpaduan Melayu, kita kira buang sebuah parti, parti mana yang kena buang, kita ketepikan dulu," katanya ketika menyampaikan ceramah di Padang Perdana di sini, malam tadi.

Semalam, Nik Aziz menyambut baik kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pertemuan yang dicadangkan antara kedua-dua parti itu adalah bagi membincangkan perkara membabitkan kepentingan orang Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

PAS sebelum ini menyatakan pendiriannya bahawa agenda pertemuan formal itu hendaklah merangkumi soal kedudukan agama Islam, demokrasi, kehakiman dan ekonomi.

Ia kemudian menambah tiga syarat bagi dipenuhi sebelum pertemuan itu diadakan iaitu kerajaan mengembalikan royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, membenarkan Harakah diterbitkan dua kali seminggu dan memansuhkan usaha untuk melarang penggunaan perkataan Islam pada nama pertubuhan termasuk parti politik.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata cadangan mengekalkan satu parti itu akan dikemukakan kepada Presiden PAS Datuk Fadzil Noor setelah beliau pulang dari Makkah untuk dibincangkan dalam jawatankuasa agung parti itu sebelum dibawa ke pertemuan Umno-PAS.

"Kita ambil parti yang memperjuangkan Islam hingga ke akhirat. Umno pun sebut Islam, PAS pun sebut Islam. Rakyat boleh buat pertimbangan parti mana yang benar-benar memperjuangkan Islam dan dikekalkan.

"Kalau tidak PAS, Umno, kalau tidak Umno, PAS...yang kena buang itu tentunya yang ada penyakit," katanya.

Nik Aziz menegaskan bahawa apabila Islam dimartabatkan, secara automatik nasib orang Melayu akan terbela.

Katanya cadangan beliau itu tidak mustahil kerana sebelum ini Parti Melayu Semangat 46 (S46) telah dibubarkan sebagai syarat untuk menyertai Umno.

"Waktu Barisan Nasional (BN) terima masuk S46 dahulu, Presiden Umno letak syarat iaitu S46 kena pemat (bubar parti)...Presiden S46 (Tengku Razaleigh Hamzah) terima syarat Umno itu yang menyebabkan S46 telah disebelih," katanya.

-- BERNAMA

BD RON